

PM: Perlu gubal standard pengurusan Islam
The Malaysian Insider
30 September, 2011

KUALA LUMPUR, 30 Sept — Satu standard pengurusan Islam perlu digubal untuk menjadi penanda aras dalam amalan dan perkhidmatan Islam di kalangan pentadbir hal ehwal Islam di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak (gambar) berkata perkara itu amat penting dalam meningkatkan fungsi pegawai hal ehwal Islam sebagai pentadbir, pengurus, pakar rujuk dan penasihat dalam bidang keagamaan.

"Kerajaan amat komited dalam pembangunan Islam sejak merdeka sehingga kini dan sentiasa melihat struktur pentadbiran agama perlu diperkasa sesuai dengan perkembangan semasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011 di Dewan Merdeka di sini hari ini.

Dipetik Bernama Online, Najib berkata penjawat awam dalam bidang jabatan agama dan guru-guru agama seharusnya berfikir kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab serta amanah dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

Katanya, perkara ini perlu agar jabatan agama dan institusi yang berkaitan terus cemerlang dalam perkhidmatan kepada rakyat.

"Pegawai-pegawai tersebut memerlukan pelbagai kemahiran bagi meningkatkan kompetensi pegawai hal ehwal Islam dalam bidang agama sehingga diiktiraf benar-benar profesional dalam bidang tersebut," katanya.

Najib berkata sesebuah organisasi yang mahu ditakrif sebagai dinamik perlu berubah dan terus bergerak maju ke hadapan sesuai dengan tuntutan semasa, keadaan persekitaran dan kehendak masyarakat.

Institusi agama juga perlu memberi perkhidmatan yang terbaik dan memperteguhkan ketamadunan masyarakat berdasarkan perancangan pembangunan umat Islam yang sistematik untuk terus kekal relevan, katanya.

Perdana Menteri berkata asas perubahan yang paling penting dalam memajukan sesuatu organisasi adalah perubahan jiwa dan minda yang turut melibatkan perubahan budaya daripada segi nilai-nilai hidup.

Katanya, nilai dalam hal ini merujuk kepada hal-hal yang dianggap penting oleh sesebuah masyarakat, merangkumi nilai ilmu, akhlak, ekonomi, kuasa, seni dan lain-lain yang disusun menurut urutan keutamaan.

"Pembangunan dan transformasi dalam Islam adalah keupayaan bersama untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya sama ada di dunia mahupun di

akhirat di dalam satu proses yang harmonis dan dinamis," katanya.

Dalam pada itu, Najib menegaskan bahawa kerajaan memberi komitmen tinggi untuk menyokong usaha transformasi sistem pengurusan Islam demi kebaikan negara.

Katanya institusi khususnya berkaitan hal ehwal agama akan terus diperkasa dengan peruntukan yang lebih besar.

Selain itu, beliau berkata kerajaan tetap menghormati kuasa negeri dalam hal ehwal agama dan dalam masa yang sama akan melihat ruang-ruang untuk memperkukuhkan aspek pentadbiran Islam di negara ini.

Pada majlis itu, Najib turut melancarkan buku bertajuk 'Pendekatan Wasatiyyah Dalam Menghayati 1 Malaysia'.

Buku itu bertujuan memberi penerangan dan penjelasan terhadap konsep wassatiyyah bersulam falsafah teras 1Malaysia yang diketengahkan oleh pentadbiran kerajaan.

Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia ini berlangsung selama tiga hari bermula hari ini, antara lain mempamerkan khazanah lama serta memaparkan transformasi Islam yang berlaku sejak dulu.

Turut diadakan ialah seminar untuk membincangkan hal ehwal Islam termasuk pendidikan, sistem perbankan dan kewangan serta kebudayaan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-perlu-gubal-standard-pengurusan-islam/>